

## Perjanjian Allah Dengan Abram

Petikan dari Kitab Taurat: [Kejadian 15:1-21](#).



<sup>1</sup>Selepas itu, Abram mendapat penglihatan dan mendengar TUHAN berfirman kepadanya,

“Jangan takut, Abram. Aku akan melindungi engkau daripada bahaya dan memberikan pahala yang besar kepadamu.”

<sup>2</sup>Tetapi Abram berkata,

“Ya TUHAN Raja, apakah gunanya pahala itu bagiku kerana aku tidak mempunyai anak? Orang yang akan mewarisi hartaku hanya Eliezer, hambaku dari Damsyik. <sup>3</sup>Engkau tidak mengurniakan anak kepadaku. Oleh itu yang mewarisi hartaku hanya seorang daripada hambaku.”

<sup>4</sup>Kemudian Abram mendengar TUHAN berfirman lagi kepadanya,

“Hamba itu tidak akan mewarisi hartamu, melainkan anak lelakimu sendiri.”

<sup>5</sup>TUHAN membawa Abram ke luar lalu berfirman, “Pandanglah ke langit dan cubalah hitung bintang; engkau akan mempunyai keturunan sebanyak bintang.”

<sup>6</sup>Abram percaya kepada TUHAN, maka TUHAN berkenan kepadanya.

<sup>7</sup>Kemudian TUHAN berfirman lagi kepada Abram,

“Akulah TUHAN yang sudah memimpin engkau keluar dari Ur di negeri Babilonia, untuk memberikan tanah ini kepadamu supaya menjadi milikmu.”

<sup>8</sup>Tetapi Abram bertanya,

“Ya TUHAN Raja, bagaimana aku dapat mengetahui bahawa tanah ini akan menjadi milikku?”

<sup>9</sup>TUHAN menjawab,

“Ambillah seekor lembu betina, seekor kambing betina, dan seekor domba jantan untuk-Ku. Setiap satunya harus berumur tiga tahun, dan ambil juga seekor burung merpati, serta seekor burung tekukur.”

<sup>10</sup>Kemudian Abram mengambil semuanya bagi Allah. Abram membelah lembu, kambing, dan domba itu. Dia meletakkan belahan-belahan binatang itu pada dua barisan, setiap belahan menghadap satu sama lain, tetapi dia tidak membelah burung. <sup>11</sup>Burung-burung pemakan bangkai hinggap atas daging binatang itu, tetapi Abram menghalau semuanya.

<sup>12</sup>Ketika matahari mulai terbenam, Abram tidur lena, lalu perasaan takut dan ngeri meliputi dirinya. <sup>13</sup>TUHAN berfirman kepadanya,

“Keturunanmu akan menjadi orang asing di negeri lain; mereka akan menjadi hamba di sana dan akan ditindas selama empat ratus tahun. <sup>14</sup>Tetapi Aku akan menghukum bangsa yang memperhamba keturunanmu itu. Apabila keturunanmu meninggalkan negeri itu, mereka akan membawa banyak harta benda. <sup>15</sup>Engkau sendiri akan lanjut usia; engkau akan meninggal dengan tenang, lalu dikebumikan. <sup>16</sup>Selepas empat generasi, keturunanmu akan kembali ke sini, kerana Aku tidak akan mengusir orang Amori sebelum mereka menjadi terlalu jahat sehingga harus dihukum.”

<sup>17</sup>Setelah matahari terbenam dan hari sudah gelap, tiba-tiba sebuah dapur arang yang berasap dan obor yang bernyala, lalu di antara belahan-belahan binatang itu. <sup>18</sup>Pada masa itu juga TUHAN membuat perjanjian dengan Abram. TUHAN berfirman,

“Aku berjanji akan memberikan seluruh tanah ini kepada keturunanmu, mulai dari sempadan negeri Mesir hingga Sungai Efrat, <sup>19</sup>termasuk juga tanah orang Keni, Kenas, Kadmon, <sup>20</sup>Het, Feris, Refaim, <sup>21</sup>Amori, Kanaan, Girgasi, dan Yebusi.”